

PERLU KREATIF AGAR ANAK-ANAK TIDAK BOSAN BELAJAR DI RUMAH

Oleh: Siti Hajar binti Mohamad Rahim, 1171220

Fakulti Pengajian Bahasa *Utama (FPBU), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)*

Disiarkan pada 19 April 2020

Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang diumumkan oleh Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yasin mulai 18 Mac lalu telah dilanjutkan sehingga 28 April 2020. Lanjutan masa ini memberi lebih banyak masa untuk ibu bapa bersama anak-anak.

Pada masa yang sama, timbul cabaran bagi ibu bapa untuk mengawasi aktiviti harian anak-anak sepanjang masa. Bagi ibu bapa yang mempunyai anak-anak yang bakal mengambil peperiksaan penting, sudah tentu mereka berasa gusar.

Mujurlah kerajaan mengumumkan bahawa Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) dan Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3) tahun ini dibatalkan manakala peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia ditunda ke suku pertama 2021.

Namun, penangguhan itu tidak bermakna aspek pendidikan anak-anak boleh diabaikan sepanjang PKP dikuatkuasakan. Dalam hal ini, ibu bapa perlu memainkan peranan penting untuk memantau proses pembelajaran anak-anak.

Menurut Perunding Kanan Institut Annenberg di Amerika Syarikat, Anne Henderson, terdapat empat peranan yang dimainkan oleh ibu bapa bagi membantu proses pembelajaran anak-anak.

Peranan-peranan tersebut adalah sebagai guru, penyokong, peguam dan sebagai hakim yang mengadili keputusan. Apabila ibu bapa terlibat dalam proses pengajaran, anak-anak dapat melihat peranan mereka sebagai guru selain daripada pengasuh.

Proses pembelajaran di rumah juga semestinya tidak memberi tekanan kepada anak-anak kerana masa pembelajaran yang lebih fleksibel dan skop pembelajaran bergantung kepada jadual mereka.

Ibu bapa juga perlu lebih kreatif dalam menerapkan suasana pembelajaran di rumah supaya lebih kondusif dan tidak membosankan sekali gus dapat mengalih perhatian anak-anak daripada bermain sahaja sepanjang tempoh PKP.

Dengan sambungan internet, komputer dan telefon pintar boleh dimanfaatkan sebagai alat untuk menjadikan proses pembelajaran di rumah lebih berkesan. Penggunaan aplikasi seperti Google Classroom dan Zoom juga memudahkan anak-anak berinteraksi dengan guru-guru mereka.

Selain itu, ibu bapa boleh menggunakan kaedah yang sama untuk berbincang dengan guru-guru tentang perkembangan pelajaran anak-anak mereka serta berkongsi pandangan tentang kaedah pembelajaran di rumah.

Selaku 'guru' di rumah, ibu bapa seharusnya menunjukkan teladan yang baik terhadap anak-anak dalam setiap perkara. Tingkah laku dan tutur kata mesti bersesuaian dengan peranan sebagai seorang pendidik.

Proses pembelajaran tidak formal ini bertujuan membentuk anak-anak menjadi insan cemerlang dalam pelbagai aspek seperti pengurusan masa, cara bersosial dengan keluarga serta kerohanian.

Walaupun tugas sebagai pendidik tidak formal bukan sesuatu yang mudah untuk dilakukan, ibu bapa perlu menyesuaikan diri agar pendidikan anak-anak dapat diteruskan sepanjang tempoh penguatkuasaan PKP.

Setakat ini, kerajaan belum mengumumkan tarikh sekolah dibuka semula. Jika PKP dilanjutkan lebih lama lagi, ibu bapa perlu mengkaji cara terbaik untuk memastikan anak-anak terutamanya yang masih kecil berasa seronok belajar di rumah.



